

RTC Kelantan beri manfaat kepada rakyat



Samsol Kamal Mohd. Saad (dua dari kiri) menyerahkan akhbar Utusan Malaysia kepada Mohd. Hashim Abdullah (empat dari kanan) di Wisma Tani, Putrajaya, semalam.

PUTRAJAYA 2 Mei - Program Transformasi Luar Bandar (RTC) mampu meningkatkan taraf sosioekonomi, sekaligus memberi nilai tambah kepada kesejahteraan dan taraf hidup rakyat.

Pelaksanaan program kali kedua yang merupakan kerjasama antara lima kementerian peneraju iaitu Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Kewangan yang diperluaskan ke Kota Bharu, Kelantan itu akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, Jumaat ini.

Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mohd. Hashim Abdullah berkata, kewujudan RTC akan membolehkan masyarakat desa berhubung dengan agensi kerajaan dan swasta dengan mudah, di samping merasai pelbagai kemudahan yang disediakan tanpa perlu ke bandar utama.

"Ini merupakan program transformasi yang dilakukan oleh kerajaan untuk membantu rakyat. Semua kemudahan di bawah satu bumbung.

"Pelaksanaan program di Kota Bharu itu akan memberikan manfaat kepada penduduk sekitar meliputi seluruh negeri Kelantan dan sebahagian negeri Terengganu," katanya di sini hari ini.

Sempena majlis perasmian RTC tersebut, kementerian terbabit menaja sebanyak 3,000 naskah akhbar Utusan Malaysia.

Tajaan akhbar disampaikan Mohd. Hashim kepada Eksekutif Jualan Jabatan Pemasaran Wilayah Tengah, Utusan Melayu (M) Berhad, Samsol Kamal Mohd. Saad di Wisma Tani, Putrajaya.

Program bertemakan "Satu Hentian Pelbagai Perkhidmatan" itu mewujudkan jalinan kerjasama bersepadu dalam usaha mentransformasikan masyarakat yang tinggal di kawasan luar bandar.

Antara kemudahan disediakan ialah perkhidmatan pemborongan dan peruncitan pelbagai produk tempatan, kemudahan pembiayaan oleh Bank Nasional, Agrobank, Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (Tekun) Nasional, Kaunter Bergerak Jabatan Pengangkutan Jalan, Pejabat Pos Bergerak, Klinik Pakar Universiti Sains Malaysia, Pusat Informasi 1Malaysia, Jabatan Pendaftaran Negara dan Jabatan Imigresen.

Mohd. Hashim berkata, kementerian juga akan menekankan beberapa program pembangunan dalam usaha membantu masyarakat luar bandar lebih berdaya saing.

"Ini termasuk membantu pengusaha produk industri asas tani dalam pembangunan produk seperti latihan serta meliputi penjenamaan, pelabelan, pembungkusan dan pensijilan dengan bantuan pelbagai agensi seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan Jabatan Kesihatan.

"Dengan pelaksanaan program ini, diharap masyarakat luar bandar akan lebih berdaya saing dalam meningkatkan kualiti dan kuantiti produk sekali gus membolehkan produk tersebut menembusi pasaran antarabangsa," katanya.

Mereka yang ingin mendapatkan maklumat lanjut boleh melawati laman web www.rtc.my.